



09.89595  
KHM

# Mem manis Kehidupan

KHAIRUL HAKIMIN MUHAMMAD

Diterbitkan Oleh:

**Khairul Hakimin B. Muhammad**

No. 23 , Jalan Saga Sebelas,

Taman Saga,

28400 Mentakab,

Pahang Darul Makmur, Malaysia.

Blog: <http://www.kuahkari.com>

Website: <http://www.senyumpictures.com>

Facebook: <http://www.facebook.com/khairulhakimin.muhammad>

Telefon: +6012 946 7994

Emel: [wkhaihwm@gmail.com](mailto:wkhaihwm@gmail.com)

Reka Bentuk Dan Cetakan Oleh:

**BigBoard Printing & Advertising**

1538 Kg. Lundang,

15150 Kota Bharu,

Kelantan Darul Naim, Malaysia.


Facebook: <http://www.facebook.com/BigboardPrintingAndAdvertising>

Telefon: +609 7322343 / +6013 339 9378

Emel: [bigboardmalaysia@gmail.com](mailto:bigboardmalaysia@gmail.com)

Cetakan Pertama 2013

ISBN 978-967-12125-0-9



© Hak Cipta Terpelihara


Hak cipta buku ini dan kandungannya yang termasuk maklumat, teks, imej, grafik dan susunannya serta bahan-bahannya ialah kepunyaan penulis. Tiada mana-mana bahagian dalam buku ini boleh diubah dan disalin tanpa mendapat kebenaran secara bertulis dari pencetak dan penulis buku ini.

809.89595  
K1-J1

Penghargaan	1	36. Moga Syurga Milik Kalian	75
		37. Muhasabah 2011	77
Prakata	3	38. Kereta Dan Bot	79
		39. UPSR Dan Ke Bintang	82
Entri		40. Saya Minta Maaf (Bahagian 1)	83
1. Memanis Kehidupan	6	41. Saya Minta Maaf (Bahagian 2)	86
2. Kurma Untuk Ayah (Bahagian 1)	7	42. Baling Telur Ke Cermin Kereta	87
3. Kurma Untuk Ayah (Bahagian 2)	9	43. Memori Terawih	90
4. Menyalah	11	44. Kita Bukan Somalia	91
5. 1 Bulan, 1 Buku	13	45. Shahrazad	94
6. Warna Dunia	16	46. KLCC	95
7. Yik	17	47. Terkunci Bos	98
8. Cikgu & Tun Dr. Mahathir	20	48. 9 Tahun Sudah Berlalu	99
9. Saya Yang Rugi	21	49. 25 Memori Terhebat	102
10. Tribute Untuk Allahyarham Zul Hussain	23	50. Air Mata Di Bumi Maksiat	103
11. Teladan Terkenal	25		
12. Mendidik Anak	27	Surat Dari Abah*	105
13. Jejak	30		
14. Pregio	32	Pilihan Gambar 1	106
15. Memadrasah Kehidupan (Bahagian 1)	33		
16. Memadrasah Kehidupan (Bahagian 2)	35	Pilihan Gambar 2	107
17. Pengalaman Bukan Sia-Sia	38		
18. Hari Lahir Ke-31	39		
19. Kebelakangan Ini	41		
20. 2 Hari Yang Panjang	44		
21. Abah Belilah Kereta	46		
22. Demam	47		
23. Nilai Kematangan	50		
24. Isi Hati	51		
25. Surat Dari Abah	53		
26. Ah Soh	56		
27. Amanah	57		
28. Ada Syurga Di Wajahmu	60		
29. 7hb 5	61		
30. Tergantung	64		
31. Edisi Cemas	65		
32. Bersahabat	67		
33. Kerusi	70		
34. Kakak Hero Berbaju Merah	71		
35. Rindu Kelantan	74		

# Memanis Kehidupan

KHAIRUL HAKIMIN MUHAMMAD



TERIMA KASIH KERANA  
MENGINSPIRASI.  
12-11-2018



# PENGHARGAAN

[Haji Wan Muhammad B. Hj Wan Abdullah, Aini Abdullah, Nurul Huda, Nurul 'Ain Hasanah]

#719881

Alhamdulillah.

Dengan rasa sangat bersyukur kepada Allah SWT, akhirnya dapat juga saya menyiapkan buku bergambar dan 50 coretan pengalaman dalam buku 'Memanis Kehidupan' ini. Buku yang amat bermakna dalam fasa kehidupan saya.

Pertamanya, saya mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Mak, Abah, Mak Abah Bangi, isteri saya yang sangat saya sayangi, Huda, anak saya Nurul 'Ain, Cik, Ayah Man, juga kepada keluarga saya, Jir, Akim, Nona, Atan, Noni, Hikmah, Fatin, Salmi, Amy, Basha serta semua ipar duai dan seluruh ahli keluarga yang sangat menyokong penulisan saya.

Saya juga amat berterima kasih kepada insan-insan yang banyak memberi inspirasi kepada saya. Ada antara mereka yang langsung tidak mengenali saya, tetapi saya menjadikan mereka mentor & guru saya dalam kaedah mengambil gambar dan juga dalam penulisan. Mereka adalah Lutfi Lokman (A Glimpse Of Makkah), Saiful Nang, Udey Ismail, Pipiyapong, Saharil Conteng, Fdaus Ahmad, Ustaz Hasrizal, Ustaz Azhar, Ustaz Syaari, Ustaz Hezry, Lokman Hamid, Olivia Ali, Abang Zack, Eddy Fendy, Gg, Abang Syam Yatini, Abang Jain Mahmud, Born Amin, Abang Zaridi, AnNamir2u, Dr.Rem, MatLutfi90, Mus'ab, Abang Aji Usop, Ustaz Hilal, Ustaz Zhafran Zainuldin, Abang DzullDeClassique, Abang Helmy Samad, Pak Samad dan Allahyarham Abang Zul Husain serta semua team Fotoskool.

Kepada semua rakan-rakan yang mengenal erti senang susah dalam persahabatan juga dalam menghasilkan buku ini, Nazrul, Engku, Farid, Mat Kebai, Adan, Jeffri Bharin, Gobang, Tuan Fuad, Izman, Kak Dil, Kak Imah, Kak Ujie, Zahir Zamrah, Madi, Karen (Photoshine Bangi), Ustaz Tawfeeq, Eneng, Hakim, Jepun, Achel, Pokwe, Hafez Ardhi, Taufiq Zakir, Wan Amir, Mat Yie, Sue Azib, Pakcik Azib dan keluarga, Jane, Peros, Encik Azizan Arshad, Erni, Mydin, Amet, Uya, Ipin, Cikdin, Encik Khyrun Anuar, Haji Shukri, Cumi, Fizal, Kak Mon, Kak Su, Hafizan, Haji Mat Ali, Dr. Che Rosli, Annaz, Abang Nizam, Kak Izan, Kak Aidaq dan team, Ustaz Rusdi, Abang Fad, Duey, Encik Esri, Usop, Za, Kak Emi, semua Fasilitator DIET-E, Haji Arshad & Hajah Saeyah sekeluarga (Nidz Catering, Klang), Allahyarham Bahruzzaman Abdul Kadir, Ustaz Charan (Thailand), Kak Nabilah (Thailand), Pakcik Syed (Thailand), Thamannon (Thailand), Mr. Abdullah Pohsa (Thailand), Pak Mat, Makcik Pah, Mak Becik dan semua rakan-rakan yang sentiasa memberi sokongan kepada saya sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Saya juga tidak lupa kepada Cikgu Salleh @ Zainuldin, Cikgu Mukharar, Cikgu Sham, Cikgu Rohana, Cikgu Manisah, Mrs. T, Ustaz Hanafiah, Ustazah Esah, Guru-Guru di Maahad Bandar Jengka, SMKJ2, SMK Dato Bahaman, Pensyarah di KUSZA, KUTPM (MSU) & UKM, RT. HON. Dr. Surin Pitsuwan, Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat, Tun Dr. Mahathir Mohamad juga Dato' Dr. Abdul Wahab Ismail & Datin Norazan Mohamed Tom yang sangat memberi inspirasi kepada saya.

BigBoard Printing, As-Sufi Production, SenyumPictures.com, Afwaz Trading, Team Fabrik Pantai Timur, Sahabat Niaga Afwaz, Team Afwaz Cookies, Cakes & Chocolate, 7SinaranFajar, Geng Twintech 1999-2000, Geng Blogger Kita-Kita Aje, Geng Tok Jembal, Ex-Kusza 2000-2003, Ex-DTP Kusza 2001-2002, Ex-KUTPM 2003-2005, Ex-Ikatan Studi Sains Pemutusan KUTPM, juga semua pembaca setia Kuahkari.com & pelanggan SenyumPictures.com, saya amat berterima kasih kepada kalian dalam menjadikan impian kecil saya ini suatu kenyataan.

Terima Kasih. Jazakallah.

809.89595  
FHJ





Gambar oleh Svam Yatini

# PRAKATA

Semasa saya masih bersekolah rendah, saya kerap kali dimarahi oleh Cikgu Jamilah kerana terlalu banyak kali ditangkap menjual gambar-gambar yang saya lukis sendiri, dan setiap kali saya ditangkap saya akan diugut oleh Cikgu Jamilah untuk memaklumkan kepada Abah saya, seorang Guru Besar di sekolah tersebut. Saya hanya tunduk dan tersenyum malu, kadang-kadang akan terluah juga memujuk cikgu supaya perkara ini tidak sampai kepada Mak dan Abah saya. Lukisan saya dijual dengan harga 10 sen, paling tinggi 20 sen. Kebanyakan pembeli adalah rakan-rakan sekelas yang ingin saya melukis gambar-gambar kartun kegemaran mereka.

Pada tahun 1996, Semasa di Tingkatan Empat, saya berusaha menyiapkan Manuskrip Haji Wan Abdullah Bin Haji Wan Chik (atau lebih dikenali sebagai Tok Telang, Tok Penghulu Mukim Telang, Kuala Lipis, Pahang) bagi pertandingan menulis manuskrip Tokoh-Tokoh Pahang dan akhirnya saya berjaya menghantar manuskrip tersebut ke Muzium Pahang Darul Makmur. Pada tahun itu juga saya kerap kali meminjam kamera Abah untuk saya mengambil gambar-gambar majlis sekolah, kemudiannya gambar tersebut akan saya jual kepada editor majalah sekolah. Memang sedia maklum yang Abah punya kamera Canon, manakala arwah datuk saya, Tok Telang, pemilik Rolleiflex Germany.

Selepas habis SPM (1998), saya mula berniaga nasi lemak dan kuih-muih bersama ibu saya. Membantu dari memasak hinggalah menjual. Asas perniagaan bermula dari jualan kecil-kecil hinggalah boleh design t-shirt sekolah. Mengambil upah membersihkan lobi makan di KUSZA dengan upah RM5 bagi satu malam, seterusnya bekerja secara separuh masa sebagai pemotong ayam dan pelayan makanan kepada pejabat-pejabat kerajaan di Nidz Catering, Klang semasa menyiapkan ijazah dalam bidang Sains Pemutusan di KUTPM (sekarang MSU) adalah satu pengalaman yang sangat manis dalam fasa kehidupan saya.


Akhirnya pada tahun 2008 saya mula belajar untuk menulis sekadar suka-suka di blog. Penulisan suka-suka tersebut telah mengorak satu langkah panjang kepada penulisan yang agak serius mengenai kehidupan.

Akhirnya muncullah kuahkari.com: Memanis Kehidupan. Mula serius mengambil gambar apabila memulakan perniagaan fabrik dari Pantai Timur dan kemudiannya sahabat saya Fuad telah mengajar dengan lebih mendalam bagi menambah minat saya untuk mengambil gambar dengan skop yang lebih luas.

Dan Alhamdulillah. Inilah hasilnya.

Terima Kasih semua.

Terima Kasih kerana sudah menjadi pemilik 'Memanis Kehidupan'.





# MEMANIS KEHIDUPAN

OLEH KHAIRUL HAKIMIN B. MUHAMMAD

Menyiapkan penulisan yang divedok sepenuhnya dari Blog Kuahkari.com juga dari perjalanan di facebook rupa-rupanya tidak mudah. Kembali menyusun ayat-ayat supaya lebih teratur dan lebih difahami juga mengambil masa dan memerlukan emosi yang stabil. Semuanya tidak diubah, jalan cerita, penceritaan, kisah, elemen, masih segar dan masih dalam keadaan baik, cuma ayat-ayat dan perkataan yang pernah digunakan di blog, diperbaiki dan diperelokkan.

Saya amat berharap penulisan pertama yang dihasilkan ini dapat diterima dengan baik oleh semua pembaca. Dari proses awal yang bagai dalam peperangan, saya beberapa kali hampir putus asa, menyiapkannya hinggalah mendapatkan rakan seperjuangan yang sama seminat bukan semudah yang disangka.

Alhamdulillah

Satu demi satu diselesaikan dengan baik. Saya juga berharap penulisan saya ini dapat dikongsi oleh segenap manusia yang amat sukakan penulisan yang bersahaja. Perjalanan di dalam blog adalah perjalanan hidup saya yang penuh dengan mesej-mesej kehidupan. Gambar-gambar juga adalah gambar yang saya ambil di sepanjang perjalanan saya. Dan saya amat mengambil berat segala iktibar dalam penulisan ini moga terus memberi kesan baik kepada semua pembaca.

Menulis di blog dan mengolah kembali kepada penulisan sebenar lebih menyeronokkan walau payah. Dan bila sudah dibukukan, ianya lebih menggamit memori pada masa akan datang. Buku lebih sedap dipegang dari laman maya yang hanya boleh dipandang. Saya catatkan tarikh, tempat dan tajuk setiap entri yang pernah ditulis di blog ke dalam buku. Bagi memudahkan kalian membaca dan memahami plot-plot penceritaan tersebut.

Akhirnya, saya mengucapkan segala puji bagi Allah, memakbulkan satu demi satu doa untuk saya merealisasikan impian ini bagi menjadikan buku ini suatu realiti. MasyaAllah. Segala gambar yang diambil oleh saya adalah hasil dari tunjuk ajar rakan-rakan semua, juga segala cara bagaimana penceritaan itu diolah juga saya belajar dari kalian. Dan saya amat berterima kasih. Dan kepada isteri yang amat saya sayangi, Huda, juga kepada ibu bapa saya, Aini Abdullah & Haji Wan Muhammad yang sentiasa memberi saya sokongan, dorongan serta sentiasa bersama saya dalam susah senang untuk saya mencapai cita cita saya ini.

Terima Kasih.

Khairul Hakimin B. Muhammad – Memanis Kehidupan, Mentakab, Pahang.

# KURMA UNTUK AYAH – BAHAGIAN 1

26HB JUNE 2013 - BANDAR BARU BANGI, SELANGOR

Gundah gulana memikirkan masa depan, saya bercerita dengan bos saya yang dunia saya penuh dengan perkara di luar bidang kerja saya, saya rasa penat dan rasa tidak mahu dah paksa diri bekerja di sini. Balik kerja saya singgah ke Warta (antara pusat membeli belah yang ada di Bandar Baru Bangi), isteri memesan beberapa barang dapur. Usai, saya turun ke tingkat bawah untuk singgah membelek beberapa buku buku. *'Kak, nak 100gram'*. Kakak yang menjaga di Kedai Buku tu pun bungkus 100gram kurma. Dalam hati saya sikit betul budak ni makan, badan boleh tahan. Dia pun belek-belek buku juga, saya pandang dia, dia pandang saya. Orangnya chubby mcm teletubies, baju tshirt kolar bulat, seluar trek pakai beg laptop & berselipar jepun. *'Beli buku bang?'* Dia menyapa. *'Aah. Tengok je'*. Dalam hati saya ramah pula budak ni. *'Sikitnya beli kurma, puasa?'* Tanya saya walaupun sedikit menyibuk. *'Dakla bang, saya beli untuk ayah'*. Dia terus belek buku. Hati saya terdetik sesuatu. *'Ayah?'* Saya tanya. *'Aah, dah nak puasa, saya beli sikit-sikit, nanti nak sampai puasa, saya balik hantaqla. Kat rumah dah ada dalam 600-700gram kot. Seminggu-seminggu mai beli. Tahun ni nak bagi ayah rasa kurma mahai.'* Dia bercerita. Alamak. Budak ni special. Buat saya rasa sebak. *'Kerja mana?'* Saya tanya. *'Tak kerja bang, belajar UKM. Duk ada duit ni ambil upah kedai makan, kalau pergi dapatlah 20duit sehari, tak pi tak adalah. Arini ada 20'*. Dia senyum. Saya cepat-cepat cakap kat kakak tu nak 500gm. Bayarkan sekali ke budak ni, dia tergamam saya paksa dia ambil kurma tu. Saya ambil baki duit, terus tertinggal suasana tersebut. Sikit rasa sebak, rupanya masih ada yang susah dalam sekeliling kita. Elok nak keluar dari Warta, dia kejar, dia pegang tangan saya & salam. *'Terima kasih bang. Nanti saya cerita kat ayah pasai abang'*. *'Kim salam kat ayah! Nak kurma mai jumpa abang keh'*. Haha saya melawak. Dia lap mata dia. Saya masuk kereta saya pun lap mata saya. Saya fikir tiap orang Allah bagi rezeki. Tahun ni tahun ke-6 saya dalam syarikat sama. Tapi dalam 6 tahun ni Allah Taala tarbiah saya dengan jumpa macam macam orang dengan hasil rezeki ini. Bertuahnya saya. Ah rasa nak lap mata lagi. Alhamdulillah.





## KURMA UNTUK AYAH- BAHAGIAN KE-2

(6HB AUG 2013) BANDAR BARU BANGI, SELANGOR

Selesai solat, saya menuju ke luar Masjid Hasanah, menunaikan zakat fitrah. Usai. Berjalan malas menuju kereta, dengan badan yang masih kurang sihat ini dalam hati duk berdoa moga-moga dapatlah perlepasan awal hari ini.

'Bang bang', suara org memanggil. Saya pandang budak yang memanggil ni, macam kenal. Bersungguh-sungguh berlari sae'i kearah saya. Mikir betul ke saya yang dipanggil, duk pandang juga kiri kanan.

Dia hulurkan salam. Muka gebu macam Adibah Noor (tapi dia lelaki).  
'Sayala bang!!' Dia perkenalkan diri.

'Saya yang abang bagi kurma tu! Ayah kirim salam, saya berdoa hari-hari nak jumpa abang! Nak sampaikan salam ayah'

Allah.

Kami berpelukan.

Tanya 'Kenapa belum balik raya lagi?' Dia jawab 'Tumpang kawan malam ni'  
Saya tanya 'Ada facebook tak?' Jawabnya tiada. Sembang sekejap sambil tangan dia tak lepas pegang tangan saya.

Buat ke dua kali kami bertemu, saya gesek mata masuk keta.

Wahai budak Kurma Untuk Ayah, doa kami untuk kamu berjaya dalam apa jua yang kamu usahakan. Amin. (lap mata lagi).

Salam akhir Ramadhan. Banyak sungguh inspirasi Ramadhan kali ini.  
Alhamdulillah.





# MENYALAH

29-07-2013 - BANDAR BARU BANGI, SELANGOR

Selepas kejadian di LCCT jumaat lepas, hati saya masih belum terubat. Kadang kadang ada sedikit rasa sesal kenapa mengada-ngada ingi menolong, natijahnya diri sendiri yang kena. Tapi itu berbaur negatif. Hari-hari dengar rumah sana-sini kena pecah, dengar mereka bercerita kakak sana-sini diragut handbag. Setiap kali mereka bercerita, *'Ha itula akak tu, handbag letak kat bahu, sepatutnya tak payah bawa Menyalahkan mangsa. Sedangkan yang mencuri tidak disalahkan. 'Kalau aku jumpa diorang ni, aku pukul saja'.* Ada pula suara lain yang garang kemain. Pukul juga tak selesai masalah.

Masalahnya ialah masyarakat sendiri. Ibu bapa bekerja, sibuk. Keluar 6.30am setiap hari, balik 8 malam setiap hari. Hujung minggu jug dipanggil kerja, diharap oleh bos-bos supaya kerja. Jika tidak hadir dianggap tidak setia, jika memberi alasan dianggap sambil lewa & jika ada kecemasan dianggap saja-saja. Mereka tidak faham. Zaman ibu bapa kita sibuk, macam mana pun ada masa dengan anak-anak. Ma sekurang-kurangnya tidak bekerja, jika ada pun terlalu minimum (jadi cikgu kebanyakannya). Masa saya kecil, abah sesibuk mana pun aka mengajar kami mengaji. Tak pun abah akan bawa kami semua ke sekolahnya, bermain dengan komputer, berlari sana-sini. Mak memang ta kerja & fokus kepada buku & belajar tetap no.2. Eh, no.2? Aha, ini yang penting. No.1 adalah akhlak & solat. Antara 'jangan' yang pernah ma tegaskan ialah:

1. Jangan makan di rumah orang
2. Jangan berkawan sesuka hati
3. Jangan balik lewat (6ptg sudah di rumah)
4. Jangan ambil nasi dari tengah periuk
5. Jangan letak selipar depan pintu rumah
6. Jangan melawan cakap orang tua
7. Jangan lupa berdoa kepada ibu bapa
8. Jangan bergaduh dengan cikgu
9. Jangan boros

dan banyak lagi lah jangannya.

Akibat kepada perkataan 'jangan' ini terlalu besar, hidup akan normal seperti manusia muslim. 'Jangan' masa dulu adalah untuk kebaikan masa sekarang. Jika pada awalnya tidak ada jangan, pastinya hidup kita penuh dengan 'ya ya ya' & akhirnya yg haram juga kita mengiyakan, yang jahat juga kita buat tanpa ada sedikit rasa 'jangan'. Pukul tak selesai masalah. Santuni juga tak selesai masalah. Saya pun tau cakap saja, kena kat diri sendiri (nauzubillah) maunya bergaduh & lupa apa yg saya tulis ni. Sama-sama kita berdoa supaya mereka ini diberi jalan supaya dapat teruskan hidup tanpa merompak kehidupan orang lain.

Khairul, 43650 Bandar Baru Bangi.  
20 Ramadhan | Memanis kehidupan yang kadang-kadang pahit.





Blue Lagoon, Port Dickson (36mm, f/5, 1/30sec, iso400)

# 1 BULAN 1 BUKU UNTUK ABAH

5-7-2013- BANDAR BARU BANGI, SELANGOR

Telefon berdering.

Lekas saya jawab bila tengok abah yang menelefon.

*'Abah ni dapat buku, buku ni buku aritu adik tunjuk. tapi yang hantar orang lain ni. abah dah risau dah ni buatnya salah orang'*

Saya gelak. Biarkan abah terus bercakap.

*'Abah belek dah berapa kali ni ha, memang cantik tengok lama-lama, teringat masa ke sana 20 tahun dah abah pegi sana dulu. Buat haji bawa wan awak'*  
Saya diam dengar.

*'Abah, aye yang hantar tu. hihhi..'*

Saya mencelah.

*'Abah dah agak dah. Awak ni, janganla berabih untuk Abah'*

*'Ala tak ada menda pun. Syok tengok gambo Mekah kan? Rasa nak pegi terus'*

*'Hehe.. terima kasih la dik. Buku dulu tu dah abih baca dah. Ni buku lain pulak. Hehe.'* *'Tak ada apa nya Abah. Buat masa lapang, tengok gambo Mekah rasa nak pergi sana pun boleh pahala! Hehehe..'*

*'Tima kasihlaaaa.. k, kirim salam ke Huda. Assalamualaikum.'* *'Walaikummussalam'* Saya jawab.

Puas. Memang Puas. Alhamdulillah!

Last Abah ke Mekah 1993 menunaikan haji, masa tu tahun saya amik UPSR. Saya berharap sangat dapat bawa Mak & Abah sekurang-kurangnya sekali ke sana. Itu dah cukup dari segala yg cukup.

Buku yang dimaksudkan ialah 'A Glimpe of Makkah By Lutfi Lokman'. Sangat menginspirasi.

Moga syurga milik kami insyaAllah.



# WARNA DUNIA

14-05-2013 - BANDAR BARU BANGI, SELANGOR

Lain manusia lain pandangan  
Matanya sama, nampaknya beza  
Pandangannya beza, fikirannya luar biasa  
Warna Dunia, kau terlalu rahsia

Lain manusia lain kepala  
mulut bibir nampak sama  
yang keluar berbeza beza  
yang baik keluaranya baik  
yang busuk keluaranya busuk

alur air lihat pada jernihnya  
tidak jernih hulunya kotor  
bercakap baik bersih hatinya  
bercakap buruk hatinya lumpur



Warna dunia terlalu cantik  
bisa cair hati yang baik  
wahai dunia kenapa terik  
Apakah rahsia ujian yang pelik

Allah Allah Allah  
Turunkan hujan buat segala makhlukMu.

Sejauh 149,680,000 Kilometer Engkau jarakkan  
Antara kami dengan Matahari  
Sepanas ini kami rasakan  
Hingga tak tertahan siang & malam hari

O Allah  
Jauhkan kami dari siksa neraka  
Juga siksa kubur

Amin Ya Rabbal Alamin



## Asrama Maahad 1994

'Kenapa ko tak amik air aku?' Yik tanya, saya diam ketakutan. Kemudian lampu ditutup. Bergelap. 'Panggg..' Pedih penampar melekat di pipi, saya jatuh ke sisi katil. 'Sekali lagi ko tak ikut apa aku suruh, siap ko!' Saya menangis. Takut ya amat. Kesalahan yang amatlah besar bila tak ikut apa yang senior suruh, nasib junior tingkatan 1.

## Awal 2008

'Cik Khairul, ramai datang interview ni. Kita nak buat group interview ke seorang seorang?' Suhana bertanya, satu satunya kerani yang saya ada waktu itu. Orangnye cekap . Saya senang sungguh bekerja dengan beliau. Saya jawab, 'Kita buat seorang seorang la, waktu banyak ni. Pagi la pun'. Seorang demi seorang masuk, macam macam resume, gaya, sikap, keyakinan yang ditunjukkan, majoritinya memang dapat masuk dengan mudah. Sikap orang situ memang menyenangkan. Tanya saja bab solat, bab agama, semudah petik jari boleh jawab. Itu penguat kami untuk amik mereka bekerja. Elok hampir menjengah tengah hari, Masuk susuk lelaki yang kurus tinggi. Kulitnya gelap. Macam penah tengok mamat ni, dalam hati saya. Saya pun minta semua sijil yang dia bawa. Dia beri sopan, sambil sambil duduknya makin kecut, dadanya makin kencang. Bila lihat saya berhenti sekolahnya. Sahih. Yik. Saya cuba bertenang walaupun ingatan sangat kuat bermain di kepala. Bila lihat dia banyak berubah, berjanggal mukanya manis, setiap soalan yang saya tanya dijawab dengan baik. Malah dia pula bertanya saya asal mana dan sebagainya... kemudian, saya cuba tanya dia sama ada dia kenal saya lagi atau tak. Dia tak kenal. Kemudiannya lagi, saya ingatkan dia dengan apa yang dia pernah buat pada saya. Dia terkedu, dan baru dia ingat. Dia bingkas bangun hুলurkan salam memohon maaf, saya terkedu dan cakap 'Eh takpe takpe, dah lepas pun'. Nampak sugul & penuh penyesalan di wajah Yik. Saya pulak rasa menyesal ungkit cita lama. Allah hu Rabbi. Kami tawarkan dia kerja. Tapi dia tak hadir. Banyak kemungkinan, salah satunya mungkin malu dengan kesilapannya bertahun tahun dulu. Kita suka melihat yang lepas lepas. Dalam ingatan itulah yang selalu bermain di kepala. Jika orang itu sudah berubah, dah baik, dah bertaubat dan sebagainya. Eloklah kita lupakan salah kesilapannya. Mungkin dulu dia buruk. Tapi hari ini mungkin dia jauh lebih baik dari kita.

Khairul 43650 | Jangan binasakan semangat orang nak berubah. Salah bukan selama-lamanya salah. Boleh dibaiki.



# RUMAH KECIL

*rumah mak abah kecil  
hati abah besar  
rumah mak abah kecil  
hati mak besar*

*tangan mak kecil  
makin mengecil makin berkedut  
jiwa mak besar  
mencari syurga tak pernah sebut*

*badan abah kecil  
makin rendah makin perlahan geraknya  
jiwa abah besar  
makin membesar dengan semangat serta kasih sayangnya*

*yang lalu biarlah berlalu  
yang datang biarlah setuju  
yang pergi biarlah pergi  
yang mari disambut pasti*

*rumah kecil tiang seribu  
bersudut sudut penuh barangan  
rumah itulah penuh sejarah pilu  
diambil baik supaya beroleh kesenangan*

19-06-2012-BANDAR BARU BANGI, SELANGOR



